

02 AUG 1997

Sanusi-Exco

SEORANG EXCO KEDAH DIGUGURKAN, KATA SANUSI

ALOR SETAR, 2 Ogos (Bernama) -- Seorang anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Kedah digugurkan dan seorang muka baru dilantik bagi mengisi kekosongan itu, 12 jam sebelum mereka mengangkat sumpah memegang jawatan pagi esok.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid malam ini berkata ini menjadikan sembilan sahaja Exco sedia ada dilantik semula untuk penggal kedua.

Sanusi yang selama ini senyap mengenai kedudukan exco-exco itu, berkata sembilan Exco yang sedia ada itu dan seorang muka baru akan mengangkat sumpah di hadapan Sultan Kedah di Istana Anak Bukit di sini.

Bagaimanapun beliau enggan menyebut nama Exco yang digugurkan itu serta sebab-sebabnya.

Bercakap kepada pemberita di sini, beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah dimaklum mengenai senarai 10 Exco itu.

Mereka yang dilantik sebagai Exco itu hanya diberikan surat malam ini, kira-kira 12 jam sebelum majlis mengangkat sumpah bermula.

Sanusi berkata, terdapat rombakan portfolio di kalangan Exco-exco tetapi beliau enggan mengulas lanjut.

Di Kedah, perlantikan Exco adalah untuk tempoh satu penggal iaitu setahun sahaja, berlainan dengan negeri-negeri lain yang melantik Exco untuk tempoh satu penggal selama lima tahun.

Sepuluh Exco yang sedia ada ialah Haji Abdullah Hasnan Kamaruddin (Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Datuk Paduka Abdul Rahman Ibrahim (Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat), Syeikh Alias Mustafa (Pendidikan dan Belia), Datuk Haji Syed Razak Haji Syed Zain (Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan).

Abdul Rahman Ariffin (Sukan), Haji Abdul Razak Hashim (Sumber Manusia, Alam Sekitar, Penerangan dan Badan Sukarela), Datuk Beh Heng Seong (Pengangkutan Awam dan Pengguna), V. Saravanan (Kerjaraya), Ahmad Lebai Sudin (Pertanian dan Pembangunan Usahawan) dan Cheung Kai Yan (Industri, Tenaga dan Komunikasi). -- BERNAMA

JM+MN oba